



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/10/64 (HQ)

7 JUTA PENGGUNA KEDIAMAN TNB AKAN TERUS MENIKMATI DISKAUN BIL ELEKTRIK SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyokong usaha kerajaan mengurangkan impak pandemik Covid-19 kepada rakyat dan langkah yang diambil kerajaan bagi membantu rakyat menyesuaikan diri dengan pemulihan semula ekonomi negara ketika ini.

Justeru, sebagai lanjutan kepada Diskaun Rangsangan Ekonomi untuk bil elektrik yang diberikan bermula Mac lalu di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), lebih 7 juta pengguna kediaman (Tarif A – Domestik) di Semenanjung Malaysia akan terus menikmati diskauan bil elektrik sehingga 50 peratus berdasarkan penggunaan elektrik bulanan dari 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020.

Jumlah Penggunaan Elektrik Bulanan	Kadar Diskaun
• Di antara 1-200kWj atau sehingga RM43.60	50%
• Di antara 201-300kWj atau RM43.70 hingga RM77.00	25%
• Di antara 301-600kWj atau RM77.10 hingga RM231.80	15%
• Di antara 601-900kWj atau RM232.35 hingga RM395.60	10%
• Melebihi 900kWj atau melebihi RM396.17	2%

“Inisiatif pelanjutan diskauan oleh kerajaan ini mengutamakan mereka yang memerlukan akibat pandemik Covid-19,” kata Ketua Pegawai Retail TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Bagi menyokong usaha kerajaan ini, TNB juga turut meneruskan tiga inisiatif berikut untuk manfaat pengguna kediaman sehingga akhir tahun ini:

- Pelan Bayaran Mudah (pilihan untuk pengguna membayar bil secara ansuran tanpa surcaj tambahan);
- pengecualian surcaj lewat bayar (bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020); dan
- penangguhan aktiviti pemotongan bekalan, kecuali:
 - permohonan daripada pengguna berdaftar; dan
 - arahan daripada pihak berkuasa.

S.A. 2020/10/64 (HQ)

“Tanggungjawab membendung penularan wabak Covid-19 adalah usaha kita bersama. Kita seharusnya mengambil berat dan prihatin antara satu sama lain dalam waktu sukar ini,” kata Ir. Megat Jalaluddin lagi.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman web TNB (www.tnb.com.my/prihatin).

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 atau e-mel tnbcareline@tnb.com.my atau kunjungi Kedai Tenaga berdekatan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Oktober 2020, jam 10.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*